



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/80 (HQ)

BEKALAN ELEKTRIK PULIH SEPENUHNYA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya mengembalikan bekalan elektrik sepenuhnya berikutan usaha tanpa henti anggota kerja dalam kerja-kerja membaik pulih bekalan di kawasan-kawasan yang dilanda banjir di Pulau Pinang, Ahad lalu.

“Kami bekerja 24 jam secara bergilir-gilir bagi mengembalikan bekalan elektrik. Bekalan elektrik di Pulau Pinang pulih sepenuhnya kira-kira jam 4 petang tadi,” kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Beliau turut menjelaskan setakat jam 4 petang tadi, kesemua 114 PE telah beroperasi semula, 102 disambung melalui grid sementara 12 lagi mendapat bekalan menerusi set janakuasa bergerak (genset).

Walaupun kesemua PE telah mendapat bekalan, terdapat gangguan di bahagian Sesalur Atas Voltan Rendah (SAVR) yang masih terjejas akibat ditimpa tiang atau pokok yang tumbang atau patah.

Kerja-kerja pembaikan sedang giat dilaksanakan selepas pihak TNB dapat memasuki kawasan yang ditenggelami air sebelum ini.

“TNB sentiasa mengutamakan keselamatan warga kerja, pengguna dan pepasangannya dalam apa jua keadaan, termasuk ketika kerja-kerja membaik pulih dijalankan,” kata Wan Nazmy.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan agar orang ramai tidak sewenang-wenangnya mengalihkan wayar-wayar atau kabel yang jatuh kerana dikhuatiri ada yang bocor dan masih mengalirkan elektrik dan boleh mengakibatkan renjatan apabila disentuh.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 5:00 Petang, 9 November 2017

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) atau media@tnb.com.my